**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 25 OKTOBER 2017 (RABU)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - Anak masuk ICU akibat denggi | 38 |
| **Utusan Malaysia** | |
| - Kg. Tasek Permai diancam wabak denggi, catat lapan kes sebulan | 26 |
| **The Star** | |
| - Plans to build more link roads in KL | 04 |
| - Final link of Duke 2 expressway toll-free until Nov 22 | 04 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**25 OKTOBER 2017 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Anak masuk ICU akibat denggi |
| Muka Surat | 38 |

# Anak masuk ICU akibat denggi

## Penduduk Tasek Permai desak pemantauan aedes dilakukan, bendung wabak denggi berleluasa

**AMPANG** – Penduduk Tasek Permai di sini, menggesa agensi berkaitan dan pihak berkuasa tempatan memantau pembiakan aedes dan kes demam denggi di kawasan perumahan tersebut.

Seorang perunding sebuah syarikat pembinaan, Wan Nazri Wan Hasan berkata, dia dimaklumkan sebanyak lapan kes denggi dilaporkan dalam tempoh sebulan berlaku di Lorong Permai 3, di sini.

"Tiga anak saya berusia dalam lingkungan enam hingga 12 tahun turut menghidap denggi. Manakala anak sulung Wan Muhd Izzat Anwar telah ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Ampang selama dua hari kerana keadaannya kritikal pada ketika itu," katanya.

Wan Nazri berkata, anak sulungnya itu mengadu demam pada 9 Oktober lalu.

"Keadaannya semakin lemah, sebelum di hantar ke hospital tersebut. Anak saya telah keluar hospital pada Khamis lalu, kini dia beransur pulih dan masih berehat di rumah," katanya.

Beliau berkata, wakil Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah datang ke kawasan perumahan ini untuk melakukan fogging.

"Mereka telah melakukan tiga kali fogging di sekitar kawasan perumahan ini, manakala saya pula melakukan penyemburan nyamuk di dalam rumah pada setiap petang," katanya.

Wan Nazri berkata, agensi yang terlibat juga harus memantau tapak projek pembinaan berhampiran kawasan perumahan ini.

**INFO**

**• Sebanyak lapan kes denggi dilaporkan dalam tempoh sebulan berlaku di Lorong Permai 3**

"Kami khuatir kon penghalang yang tidak ditutup ini berkemungkinan menyebabkan pembiakan nyamuk kerana air bertakung di dalam benda itu. Penduduk juga mohon longkang di kawasan perumahan ini segera diselenggarakan," katanya.

Sementara itu, isteri kepada Wan Nazri, Nor Hasidah Hasan berkata, dia merupakan pengurus sebuah syarikat swasta terpaksa mengambil cuti tanpa gaji selama enam hari untuk menjaga anaknya.



Sebahagian kon penghalang di sekitar kawasan perumahan.

"Saya perlu menghantar dua anak saya ke klinik untuk pemeriksaan kesihatan dan darah pada setiap hari ketika mereka menghidap denggi. Saya kini tidak lagi membuka tingkap rumah, berbanding sebelum ini," katanya.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>25 OKTOBER 2017 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Kg. Tasek Permai diancam wabak denggi, catat lapan kes sebulan |
| Muka Surat | 26 |

um 25/10/2017 m/s 26




TAPAK pembinaan yang didakwa menjadi punca tempat pembiakan nyamuk aedes di Kampung Tasek Permai, Ampang Jaya, Selangor. – UTUSAN/AIZZUL AB. MAJID

WAN NAZRI WAN HASSAN menunjukkan keadaan longkang tersumbat di kawasan perumahan itu.

# Kg. Tasek Permai diancam wabak denggi, catat lapan kes sebulan

**AMPANG JAYA 24 Okt.** – Para penduduk di sekitar Kampung Tasek Permai di sini melahirkan kebimbangan berhubung kes denggi yang dilaporkan semakin meningkat di kawasan itu sejak kebelakangan ini.

Difahamkan, sebanyak lapan kes denggi dilaporkan dalam tempoh sebulan di perumahan itu.



NOR HASIDAH

Seorang penduduk, Wan Nazri Wan Hasan, 45, berkata, ketiga-tiga anaknya yang berusia antara enam hingga 12 tahun disahkan positif denggi baru-baru ini benar-benar merunsingkan.

Lebih-lebih lagi anak sulungnya ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Ampang selama dua hari dalam keadaan kritikal.

"Anak mengadu demam pada 9 Oktober lalu. Keadaannya lemah, sebelum dikejarkan ke hospital dan hanya keluar pada Khamis lalu," katanya kepada pemberita ketika ditemui hari ini.

Menurut Wan Nazri, sehubungan itu pihak bertanggungjawab diminta memandang serius perkara itu bagi mengelakkan penularan wabak denggi.

Ini katanya, termasuk memantau sebuah tapak projek berhampiran kawasan perumahan itu yang didakwa menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

"Pihak Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ada melakukan kerja-kerja penyemburan di kawasan ini setelah aduan dikemukakan," katanya.

Tambahnya, sistem perparitan yang tidak diselenggara dan longkang tersumbat antara punca pembiakan nyamuk di kawasan perumahan ini.

Sementara itu isterinya, Nor Hasidah Hasan, 42, berkata, dia terpaksa mengambil cuti tanpa gaji selama enam hari untuk menjaga anak-anaknya.

"Saya perlu menghantar anak-anak ke klinik untuk pemeriksaan darah.

"Sejak kejadian itu, saya tidak lagi membuka tingkap setiap masa kerana bimbang nyamuk masuk ke dalam rumah," katanya.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>25 OKTOBER 2017 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Plans to build more link roads in KL |
| Muka Surat | 04 |



(From fifth left) Kuala Lumpur mayor Tan Sri Mohd Amin Nordin Abdul Aziz, Federal Territories Ministry secretary-general Datuk Seri Adnan Md Ikhsan, Bandar Tun Razak Barisan Nasional chairman Datuk Chew Yin Keen and Tengku Adnan launching the new road that connects Taman Desa Petaling with Kampung Malaysia Tambahan.

# Plans to build more link roads in KL

TS 25/10/2017
m/s 4

## FT Ministry looking to improve road networks and spur economy

**By YVONNE NATHAN**
yvonne.n@thestar.com.my

PLANS are in place to improve road connectivity within Kuala Lumpur by having new roads to link several residential areas with major roads.

Federal Territories Minister Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor said proper link roads would also help spur economic activities in the affected areas.

"There are many 'missing links' that we need to resolve, most of which are on the Selangor border such as Titiwangsa as well as the one between Kampung Pandan and Ampang, which is on the Selangor side," he said, adding that he would talk to the Selangor government about it.

Tengku Adnan said this to reporters after launching a new 700m road connecting Taman Desa Petaling with Kampung Malaysia Tambahan (KMT).

Work on the Taman Desa Petaling and KMT road link at the intersection of Jalan 6/125D Jalan 2/125 involved slope protection as well as building a 600m concrete crib wall, pedestrian walkway and drainage.

"This new road will also spur economic activity for traders in Taman Desa Petaling as KMT does not have a commercial centre," said Tengku Adnan.

On the development project near Taman Rimba at Taman Tun Dr Ismail (TTDI), Tengku Adnan said there would be a townhall session with the residents on Oct 27.

"We will give details about the development in TTDI and explain that it will not affect Taman Rimba.

"Of course, many residents don't welcome development because of increased traffic but they have to realise that the city is growing.

"I would like to meet people living in elite areas because we have already spoken to those in public housing projects," said Tengku Adnan, adding that he would meet Bangsar and Damansara Heights residents next to find out their problems.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**25 OKTOBER 2017 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Final link of Duke 2 expressway toll-free until Nov 22 |
| Muka Surat | 04 |

# Final link of Duke 2 expressway toll-free until Nov 22

TS 25/10/2017 m/s 4

By PRIYA MENON
priya@thestar.com.my

THE long-awaited final link of the Duta-Ulu Kelang Expressway (Duke 2) will be toll-free until Nov 22.

The Sri Damansara Link (SDL) connects to the Middle Ring Road 2 (MRR2) at the Bandar Manjalara Interchange and the existing Duke in Jalan Segambut.

It will provide an alternative route for those heading towards congested areas like the city centre, Sri Damansara, Rawang, Kepong and Sungai Buloh.

Works Minister Datuk Seri Fadillah Yusof who launched SDL, estimated that 30,000 people would use the new route.

"We believe it will significantly reduce travel time," he added.




Toll charges on the Sri Damansara Link will be RM2.50 after Nov 22.

Fadillah also commended Duke 2 concessionaire Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn Bhd (Kesturi) for expanding Jalan Taman Bukit Maluri-Jalan Lang Emas from four lanes to six.

Kesturi also expanded the Banjara Manjalara Interchange on MRR2 to ease traffic bottlenecks.

SDL also has the Segambut Rest and Services Area (Segar) with a double storey park-and-ride facility that will connect to a KTM Komuter station currently under construction.

There are now about 300 parking lots and a proposal to build more once the KTM station is operational because the area can accommodate 4,000 parking bays.

"The Segar park-and-ride facility will benefit commuters due to its seamless connectivity with the public transportation system," added Fadillah.

SDL is the final phase of Duke 2 that included the Tun Razak Link opened on Sept 28.

Duke 2 project director Zakaria Shaffie said the toll charges after Nov 22 would be RM2.50.